

14 JUN 2003

Ghani-Umno

UMNO TINGGIKAN MARTABAT MELAYU KE PERINGKAT GLOBAL

JOHOR BAHRU, 14 Jun (Bernama) -- Usaha melahirkan lebih ramai orang Melayu menjadi tokoh di peringkat global merupakan satu kesinambungan perjuangan Umno untuk mengangkat martabat orang Melayu yang perlu terus dilakukan dengan gigih, kata Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman.

Katanya, bermula dengan perjuangan menyatukan orang Melayu, Umno kemudiannya berjaya menentang penjajahan, mengisi kemerdekaan dan diikuti dengan mengangkat martabat orang Melayu ke peringkat nasional, selanjutnya kini mengembangkan sayap Melayu ke peringkat antarabangsa.

"Ia tidak lari daripada asas perjuangan asal Umno untuk menegakkan agama, bangsa dan tanah air, bahkan memperkukuhkan perjuangan orang Melayu yang kini sudah pun mula bersaing di peringkat global," katanya pada Konvensyen Umno Johor di sini, hari ini.

Konvensyen itu dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang juga Timbalan Presiden Umno.

Abdul Ghani yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Johor berkata pengembangan sayap Melayu ke serata dunia itu perlu lantaran bentuk perhubungan antara negara kini telah berubah dan bertambah sengitnya persaingan di peringkat antarabangsa.

Beliau berkata orang Melayu dan Umno tidak boleh mengelak daripada menghadapi pelbagai cabaran zaman dan usaha mensejagatkan penyertaan orang Melayu dalam pelbagai bidang merupakan terjemahan kepada perjuangan Umno secara keseluruhannya dalam abad ke-21.

"Jika kita mampu menjadi pemain global, dengan mengekalkan jatidiri Melayu yang padu, tahap martabat Melayu ini juga berupaya mengangkat sama martabat Islam," dan menambah kata bahawa Malaysia pada masa ini sudah pun dilihat sebagai negara contoh bagi negara-negara Islam lain.

Beliau berkata usaha membina tamadun bangsa Melayu yang telah dirintis dan sekian lama diperjuangkan oleh Umno akan diperjuangkan berterusan oleh Umno kerana Ummolah satu-satunya wadah perjuangan orang Melayu.

Sambil menyatakan sokongan padu kepada Abdullah yang akan mengambil alih teraju kepimpinan Umno dan negara daripada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Okt ini, Abdul Ghani berkata Umno Johor yakin Abdullah akan meneruskan usaha perjuangan bangsa Melayu.

"Sokongan padu kita semua anggota Umno, rakan-rakan dalam Barisan Nasional dan rakyat jelata akan curahkan kepadanya (Abdullah) bagi menentukan agenda Melayu mencapai matlamatnya," kata beliau.

Abdul Ghani juga turut mengimbuai sejarah kelahiran Umno di Johor dan memperincikan sumbangan besar setiap bekas presiden parti dan perdana menteri sehingga Dr Mahathir.

"Dr Mahathir telah melonjakkan ke tahap lebih tinggi keyakinan bangsa Melayu yang disemai oleh Allahyarham Tun Abdul Razak," dan menambah kata bahawa Dr Mahathir terus menerus mendorong orang Melayu berperanan ke tahap global supaya dapat berdiri sama tinggi dengan warga negara maju.

Dr Mahathir tetap dengan keputusan untuk bersara ketika kedudukannya di mata dunia berada di puncak.

"Apa yang jelas, perjalanan yang beliau rintis itu belum sampai penghujung dan kitalah yang akan meneruskannya tanpa ragu-ragu... dan Datuk Seri Abdullah berada tepat pada masanya untuk menyambut tanggungjawab besar, memikul amanah itu dengan harapan dan cita-cita yang tinggi," tambahnya.

-- BERNAMA

MNY MNY PR